

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 SPM
BAHASA MELAYU
SKEMA JAWAPAN

Soalan 1

BIL	KATA NAMA AKRONIM	MAKSUD
1	berdikari	berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain utk menolongnya: belajar hidup ~
2	jantina	jenis kelamin (laki-laki atau perempuan); dua ~ dua jenis kelamin, pondan; sejantina 1. (bagi tumbuh-tumbuhan) bunga jantan dan bunga betina terdapat pd pokok yg berasingan; 2. (bagi binatang) benih jantan dan benih betina yg dihasilkan oleh jenisnya masing-masing; kejantinaan keadaan jantina (sama ada laki-laki atau perempuan), jenis kelamin: me-minda perlembagaan utk menghapuskan beza-membeza yg berdasarkan ~.
3	purata	Pukul rata; hitung panjang; nilai yg diperoleh dgn membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dgn bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang;
4	tadika	taman didikan kanak-kanak
5	gimrama	gimnastik berirama (iaitu suatu persembahan gimnastik yg biasanya menggunakan alat tertentu spt tali, reben dan bola dgn irungan irama muzik):
6	kugiran	kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yg popular.

Soalan 2

Perhatian bagi soalan 2 ini;

1. Jawapan mesti bersama dengan ayat dalam soalan.
2. Jika calon hanya memberikan jenis ayat tanpa disertakan ayat - berikan 0 markah.

BIL	AYAT	JENIS AYAT
1	Apakah yang kamu fikirkan?	AYAT TANYA
2	Nah, cuba kamu baca berita ni!	AYAT SERUAN
3	Saya pun ada terbaca juga semalam dalam akhbar.	AYAT PENYATA
4	Semakin ramai kaum wanita yang terpedaya dan mengalami kerugian hampir puluhan ribu ringgit.	AYAT PENYATA
5	kita harus berhati-hati dan perlu siasat terlebih dahulu latar belakang seseorang yang baru dikenali.	AYAT PERINTAH
6	Usah mudah terpedaya dengan apa-apa yang dijanjikan oleh orang yang baru dikenali ini.	AYAT PERINTAH

Soalan 3

Bahan 1	Bahan 2
1. adalah - ialah	1. berada di tahap – pada tahap
2. penyakit - pesakit	2. tidur yang cukup – tidur yang mencukupi
3. atau pun - ataupun	3. istirehat – istirahat
4. pesakit lakukan - dilakukan oleh pesakit	4. mengembang - berkembang
5. secukup - secukupnya	5. terlalu penting sekali – terlalu penting / penting sekali
6. mendatangi - mendatangkan	6. amanat – amanah
	7. dengan – kepada

Soalan 4

Tun Nina Madi lalu/datang, disuruh naik dan duduk berhampiran Seri Nara Diraja, kemudian diribanya. Kemudian Seri Nara Diraja bertanya kepada semua orang yang duduk di situ, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa dia ialah anak hamba?"

Orang ramai itu menyembah, "**Patik** sekalian juga tahu; oleh sebab tuanku tidak mengaku, patik sekalian takut mengatakan bahawa dia anak tuanku."

Soalan 5

PERIBAHASA DALAM PETIKAN	PERIBAHASA LAIN SAMA MAKSUD ATAU HAMPIR SAMA MAKSUD
1. malu mengayuh perahu hanyut	♥ malu bertanya sesat jalan
2. aur dengan tebing	♥ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing ♥ bukit sama didaki, lurah sama dituruni
3. lain padang lain belalang	♥ banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam ♥ lain dulang lain kakinya ♥ rambut sama hitam, hati lain-lain

Soalan 6 [PEMAHAMAN UMUM]

(i) Maksud rangkai kata *sistematik* dan *efektif*

- teratur/ tersusun dan berkesan / mujarab **2m**
- sistematik dan berkesan **1m**
- teratur dan efektif **1m**

(ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan **kelebihan** belajar menggunakan kaedah bimbingan rakan sebaya.

Bahan 1

P1 dapat membantu dan menyokong pelajar yang lemah dalam pembelajaran

P2 lebih prihatin dan saling menghormati perasaan masing-masing apabila diberi tugas

Bahan 2

P1 mampu meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran

P2 seseorang pelajar berasa lebih selesa dengan bimbingan rakan sebaya

P3 berupaya memberikan penumpuan yang lebih kepada bahan pembelajaran

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

(iii) Pada pendapat anda, apakah **faktor** yang menyebabkan perkara ini berlaku?

P1 pelajar kurang pengetahuan tentang kelebihan program

P2 guru kurang memberi pendedahan tentang kepentingan program bimbingan rakan sebaya

P3 pelajar lebih cenderung / minat dengan teknologi maklumat / belajar sendiri

P4 pemilihan rakan sebaya yang tidak menepati kehendak pelajar

[Maksimum 3 markah]

[isi cukup 2 isi]

(Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)

(iv) Sebagai rakan yang prihatin, apakah **tindakan** anda untuk memastikan rakan anda berminat untuk hadir ke sekolah?

- P1 menasihatiinya hadir ke sekolah kerana pelajaran amat penting
 - P2 mengajaknya untuk belajar secara berkumpulan
 - P3 memberitahu / memaklumkan masalah rakan kepada ibu bapanya
 - P4 memaklumkan / meminta bantuan kaunselor
 - P5 memberikan sokongan moral
- [*Maksimum 4 markah*]
[isi cukup : 3 isi]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 7 [PEMAHAMAN SASTERA]

(i) Maksud *dipandang remeh*?

- ♥ dipandang – dilihat/dianggap
- ♥ remeh - enteng/kecil, ringan, mudah

(ii) Dengan merujuk setiap bahan, nyatakan **kesan-kesan** arus pemodenan terhadap remaja.

Bahan 1

P1 gadis yang **bersopan santun** amat sedikit dan lelaki yang kuat pegangan agama malah nilai ketimuran mulai lenyap

P2 sikap anak muda yang **berkelakuan tidak sopan** di tempat awam tanpa segan silu

****jawapan yang bergaris MESTI ada dalam ayat calon**

Bahan 2

P1 perubahan sosial yang boleh meragut jati diri

P2 tergadai maruah dan harga diri

(iii) Pada pendapat anda, apakah **kepentingan-kepentingan** menjaga maruah diri?

P1 dipandang tinggi oleh orang lain / dihormati oleh masyarakat

P2 imej diri dan keluarga terpelihara

P3 terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak diingini

P4 mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Tuhan

P5 melahirkan masyarakat yang sejahtera

(Kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

(iv) Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh dilakukan untuk membantu rakan anda bebas daripada masalah sosial?

P1 memberitahu rakan saya bahawa terlibat dalam masalah sosial boleh memusnahkan masa depan diri

P2 mengajak dia belajar bersama-sama selepas waktu persekolahan

P3 menasihatiinya supaya mendekatkan diri kepada Tuhan

P4 mengajaknya melakukan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama

[*Maksimum 4 markah*]

[isi cukup : 3 isi]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 8

(i) Nyatakan sebab-sebab Farisha melopong mendengar pembentangan Alia.

- P1 Dia begitu lancar
- P2 tenang
- P3 betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan
- P4 kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip
- P5 dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata

(ii) **satu** peristiwa yang menyediakan anda sebagai pembaca bagi setiap novel.

DI SEBALIK DINARA	SILIR DAKSINA
1. Peristiwa sewaktu Azraai memberitahu Farisha bahawa dia menghidap penyakit jantung. Kesedihan Farisha akan kenyataan bahawa abangnya sedang sakit dapat saya rasai sebagai pembaca. Situasi ini menyediakan saya kerana menggambarkan keikhlasan kasih sayang seorang adik terhadap abangnya.	1 Peristiwa ketika umi tidak membenarkan Haiqal Hakimi ke Johor untuk menjelaki kebenaran manuskrip yang diterimanya tentang ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan. Haiqal berasa sedih kerana sebelum berangkat ke Johor, Haiqal telah bertengkar dengan uminya sehingga umi tidak mahu berjumpa dengannya. Peristiwa ini menyediakan saya sebagai pembaca kerana tindakan Haiqal ini sudah pasti akan menyebabkan hubungannya dengan uminya renggang.
2. Peristiwa ketika Medina terpaksa menyerahkan anak kandungnya, Farisha kepada keluarga Azraai kerana dia tidak sanggup melihat Farisha menjadi mangsa uji kaji Karl. Peristiwa ini menyediakan saya sebagai pembaca kerana seorang anak terpaksa dipisahkan daripada ibunya untuk keselamatannya.	2 Peristiwa Haiqal tidak dapat berjumpa dengan ayahnya buat kali terakhir kerana ayahnya telah meninggal dunia ketika dia sedang menduduki peperiksaan UPSR. Dia mahu mengikut uminya ke Johor tetapi tidak dibenarkan. Peristiwa ini menyediakan saya sebagai pembaca kerana hasrat seorang anak untuk menatap wajah ayahnya buat kali terakhir tidak tercapai.

Soalan 9 : Rumusan

Pendahuluan

Rumusan membincangkan **persediaan** sebelum seseorang mendermakan darah dan kepentingan/kebaikan/manfaat/faedah mendermakan darah. [2 markah]

****fokus 1: persediaan sahaja yang diterima**

FOKUS 1 : PERSEDIAAN

BAHAN 1	BAHAN 3
1. setiap penderma atau penerima darah harus melalui proses penyaringan jenis darah.	1.Berada dalam keadaan yang sihat pada hari kejadian
2. meminum air secukupnya untuk memastikan kandungan air dalam darah mencukupi.	2.Mengambil makanan dalam masa 4 jam sebelum menderma
3. penderma turut disarankan supaya tidur sekurang-kurangnya lima jam	

FOKUS 2 : KEPENTINGAN

BAHAN 1	BAHAN 2
1. wanita yang mendermakan darah selama 10 tahun mampu meningkatkan kesihatan kardiovaskular mereka untuk jangka masa panjang.	1. dapat menggantikan sel-sel darah yang baharu.
2. pemindahan darah adalah sangat penting bagi mengelakkan pesakit daripada mengalami kerosakan organ.	2. boleh mengurangkan risiko penyakit kanser.
3. pendermaan darah dapat menyelamatkan nyawa manusia.	
4. Setiap kali selepas mendermakan darah, para penderma akan berasa lebih sihat dan bertenaga	

PENUTUP

Kesimpulannya, pendermaan darah perlu digalakkan supaya bilangan kematian pesakit dapat dikurangkan/supaya dapat menyelamatkan lebih banyak nyawa. [2 markah]